KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

# SOALAN LAZIM (FAQ)
# PROGRAM JUALAN AGRO MADANI

1. **Apakah itu Program Jualan Agro MADANI?**

   Program Jualan Agro MADANI adalah penjenamaan semula Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang dilaksanakan oleh KPKM menerusi FAMA, LPP dan LKIM di seluruh negara bagi membantu rakyat mendapatkan bekalan produk segar dengan mudah pada harga berpatutan kepada pengguna melalui pengurangan lapisan perantara pasaran dengan penjimatan 10%-30%.

2. **Apakah faedah Program Jualan Agro MADANI kepada pembeli?**

   Pembeli akan menikmati penjimatan 10%-30% harga jualan berbanding harga pasaran tempatan.

3. **Apakah barangan yang dijual di Program Jualan Agro MADANI?**

   Barangan yang dijual di Program Jualan Agro MADANI adalah barangan segar seperti sayur, buah, ayam, ikan, daging, barangan runcit, barang kawalan dan keperluan produk asas terpilih.

4. **Di manakah Program Jualan Agro MADANI diadakan?**

   Program Jualan Agro MADANI diadakan di lokasi-lokasi strategik seperti di kompleks kerajaan, outlet peruncitan agensi KPKM, sekitar kawasan perumahan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), kawasan bandar dan pinggir bandar.

5. **Siapakah yang menganjurkan Program Jualan Agro MADANI?**

   Program ini dianjurkan oleh FAMA dengan kerjasama strategik Agensi di bawah KPKM iaitu LPP dan LKIM.

6. **Siapakah penjual yang menyertai Program Jualan Agro MADANI?**

   Program Jualan Agro MADANI disertai oleh peserta Program Ladang Kontrak, Usahawan Bimbingan Kerajaan, Pengilang atau Pemproses Produk Agromakanan.

7. **Apakah faedah penganjuran Program Jualan Agro MADANI kepada peserta jualan?**

   Peserta jualan Program Agro MADANI akan menikmati penikatan pendapatan menerusi konsep jualan terus kepada pengguna kerana tidak melibatkan orang tengah (pengumpul/pemborong).

8. **Siapakah yang boleh dihubungi berhubung penganjuran Program Jualan Agro MADANI?**

   Sebarang persoalan berkenaan penganjuran Program Jualan Agro MADANI boleh dikemukakan kepada pegawai pegawai berikut:

   a. **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)**

      i. Jefferson Gubak
      Ketua Penolong Setiausaha
      03-88701218
      jefferson.gubak@kpkm.gov.my

      ii. Dr. Saidatun Najmiah binti Mohd Jamil
      Penolong Setiausaha Kanan
      03-88701835
      saidatunnajmiah@kpkm.gov.my

   b. **FAMA**

      i. Mohd Nazim Bin Mohd Adnan
      Penolong Pengarah Kanan
      03-61262020 (Samb. 4004)
      nazim.adnan@fama.gov.my

      ii. Muhamad Azreen Bin Abdul Jalil
      Pegawai Ehwal Ekonomi Kanan
      03-61262020 (Samb. 2102)
      m_azreen@fama.gov.my

**c. LPP**

i. Dahlia Binti Sulaiman
Penolong Pengarah
03-26109600 ( 9755 )
dahlia@lpp.gov.my

ii. Ibrahim bin Hamid
Ketua Cawangan
03-26109600 ( 9750 )
brahimhamid85@yahoo.com

**d. LKIM**

i. Mohd Farid Bin Sharif
Timbalan Pengarah
03-8064 9000 (Samb. 9503)
farid_sharif@lkim.gov.my

ii. Muhammad Alif Bin Abd Aziz
Penolong Pengarah
013-3458397
alif.aziz@lkim.gov.my

***Tarikh kemaskini: 7 November 2023**